

Peruntukan tebatan banjir

AHMAD NORMAN ABU TALIB

SHAH ALAM – Kerajaan aegeri memperuntukkan sebanyak RM37.98 juta untuk lima projek utama bagi kerja-kerja tebatan banjir di Klang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri mengambil langkah-langkah segera bagi melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi banjir kilat.

“Peruntukan berjumlah RM25.5 juta disediakan oleh kerajaan pusat dan selebihnya sebanyak RM12.4 juta disediakan kerajaan negeri.

“Dana tersebut disalurkan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor yang memantau semua pelaksanaan projek-projek tersebut,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, semalam.

Abdul Khalid berkata, sebahagian projek tersebut dijangka siap pada pertengahan tahun depan dan beberapa projek lagi akan siap pada April 2015.

Menurutnya, kerajaan negeri turut menyediakan dana tambahan RM2.7 juta untuk 23 projek-projek kecil yang melibatkan kerja-kerja pelebaran, mengorek, membersihkan sungai, penyelenggaraan perangkah sampah dan mengorek semula parit-parit kampung.

Katanya, kerja-kerja memperkukuhkan kolam takungan dan pelebaran muara sungai turut dijalankan di mana ia dijangka siap hujung tahun ini.

“Kerajaan negeri sangat prihatin terhadap masalah banjir dan kepayahan hidup dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan sering dinaiki air iaitu Taman Sentosa, Rantau Panjang, Sungai Udang, Telok Pulau, Pandamaran, Taman Chi Liung, Bayu Perdana, sebahagian pekan Pelabuhan Klang, Bandar Putri dan Padang Jawa.

“Kita harap dengan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir ini ianya dapat mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda Klang sejak beberapa tahun kebelakangan ini,” katanya.